



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

No Sebut Harga	Keterangan Kerja	Syarat Pendaftaran
S15/2021	Kerja Menaiktaraf & Infrastruktur (mengecat) di Apartment Dimensi Blok A & B	Gred G1 Kategori CE dan B Pengkhususan CE21 dan B14
S16/2021	Kerja Menaiktaraf & Infrastruktur (mengecat) di Apartment Dimensi Blok C & D	
S17/2021	Kerja Menaiktaraf & Infrastruktur (mengecat) di Rumah Pangsa Taman Seri Paya Rumput Blok M1 & M3	
MPAG 16/2021	Kerja Menaiktaraf & Infrastruktur (mengecat) di Rumah Pangsa Taman Seri Paya Rumput Blok M2	
S18/2021	Kerja-kerja Penyelenggaraan Longkang, Jalan, Tembok dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Lorong Belakang Jalan Besar Pasar, Pekan Pulau Sebang.	Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE01 & CE21
MPAG 17/2021	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan, Longkang dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Taman Seri Meranti, Alor Gajah.	

1. Borang Sebut Harga boleh didapati dari tarikh **01 Jun 2021** hingga **09 Jun 2021** di Unit Perolehan secara tunai atau dengan menyertakan wang pos/wang kiriman pos/draf bank berharga **RINGGIT MALAYSIA LIMA PULUH SAHAJA (RM 50.00)** yang dibuat di atas nama **Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Alor Gajah**.
2. Lawatan Tapak adalah digalakkan. Pihak Kontraktor diingatkan agar sentiasa mengekalkan amalan penjarakan, penggunaan '*hand sanitizer*' dan pemakaian '*face mask*' selaras dengan Manual Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
3. Untuk makluman kontraktor yang ingin membeli Dokumen Sebut Harga dan belum pernah berdaftar dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai kontraktor MPAG dengan yuran pendaftaran sebanyak **RM150.00** sekali sahaja dengan mengemukakan Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat, Penyata Bank beserta Cop Syarikat.
4. Dokumen Sebut Harga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja. Bagi maksud ini Kontraktor-kontraktor hendaklah membawa **Sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Serta Sijil Taraf Bumiputera dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut serta surat wakil semasa** membeli dokumen sebut harga.
5. **Pihak kontraktor perlu mematuhi garis panduan (SOP) bagi pembelian sebut harga yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan.**
6. Borang Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan hendaklah mencatat No.Rujukan Sebut Harga disebelah penjuru kiri sampul tersebut. Dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di **MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari** pada **10 Jun 2021**. Majlis tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah sekali atau mana-mana Sebut Harga.

Sekian, terima kasih.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“ALOR GAJAH DINAMIK, PROGRESIF, HOLISTIK”

Saya yang menjalankan amanah,


MOHD FADHIL BIN HASSAN
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Alor Gajah.

Tarikh : 25 Mei 2021